International Journal of Advanced Research in Education and Society
e-ISSN: 2682-8138 | Vol. 7, No. 2, 7-21, 2025
https://asianscholarsnetwork.com/asnet-journals

Amalan Guru dalam Pengajaran Al-Insya' di Sekolah Menengah Arab di Brunei Darussalam

(Teacher Practices in the Teaching of Al-Insya' in Arabic Secondary School in Brunei Darussalam)

Noorhaizadatul Akmar Metamit[1*], Nur-Ashikin Petra[1], Shamsinar Husain[1]

[1] Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam, Brunei

* Pengarang Koresponden: noorhaizadatul.metamit@jpi.edu.bn

Received: 27 January 2025 | Accepted: 11 March 2025 | Published: 1 April 2025

DOI: https://doi.org/10.55057/ijares.2025.7.2.2

Abstrak: *Artikel ini membincangkan kajian tentang amalan guru dalam pengajaran al-Insya' (karangan) dalam bahasa Arab. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kemahiran menulis al-Insya' dalam kalangan pelajar di peringkat menengah, khususnya di sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam. Dalam kajian ini, kaedah pengajaran guru termasuk cabaran-cabaran yang mereka hadapi dalam melaksanakan pengajaran al-Insya' di dalam kelas dikaji dan dianalisis secara deskriptif. Kerangka teori pendidikan yang berasaskan Teori Ibnu Khaldun dan Teori Lev Vygotsky diaplikasikan untuk membantu dalam memahami dan menganalisis fenomena yang dikaji dengan lebih terperinci. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana temubual berstruktur digunakan untuk mengumpul data dari empat orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik untuk mengenal pasti, menjelaskan dan melaporkan tema-tema yang terdapat dalam data. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian (guru-guru Bahasa Arab) menggunakan dan mengamalkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan berpusatkan kepada pelajar seperti kaedah sumbang saran (brainstorming), pengajaran secara berperingkat (scaffolding method) dan bercerita (storytelling). Namun, dari segi pelaksanaan pengajaran, terdapat beberapa aspek mengenai bagaimana guru-guru melaksanakan kaedah-kaedah berkenaan, ada yang kurang jelas dinyatakan, belum cukup berkesan dan memerlukan penambahbaikan serta kebijaksanaan mereka dalam menyusun dan mengendalikan pengajaran dengan lebih berstruktur dan bersistematik. Pengajaran dan pembelajaran secara berperingkat-peringkat, daripada mudah kepada yang lebih kompleks serta lebih teratur seperti yang disarankan oleh kedua-dua teori kajian ini, boleh membantu guru-guru Bahasa Arab meningkatkan lagi kefahaman pelajar dalam menguasai kemahiran menulis al-Insya' dengan lebih berkesan. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran ini, termasuklah kurangnya kefahaman pelajar terhadap bahasa Arab, silabus mata pelajaran Bahasa Arab yang terlalu banyak, serta kurangnya keyakinan diri pelajar dalam al-Insya'.*

Kata Kunci: amalan guru, pendekatan, kemahiran menulis *al-Insya'*, cabaran

Abstract: *This article discusses a study on teachers' practices in teaching al-Insya' (essay writing) in the Arabic language. The primary aim of this study is to enhance students' al-Insya' writing skills at the secondary level, particularly in Arabic schools in Brunei Darussalam. This*

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

study descriptively examines and analyzes teachers' instructional methods, including the challenges they face in delivering al-Insya' lessons in the classroom. An educational framework based on Ibn Khaldun's Theory and Lev Vygotsky's Theory is applied to facilitate a more in-depth understanding and analysis of the phenomena under investigation. The study employs a qualitative methodology, using structured interviews to collect data from four Arabic language teachers. The data is analyzed thematically to identify, describe, and report themes found within the data. The findings indicate that all research participants (Arabic Language teachers) implement and practice student-centered teaching and learning approaches, such as brainstorming, scaffolding, and storytelling. However, in terms of teaching implementation, there are certain aspects concerning how teachers apply those methods are somewhat not clearly stated, not yet fully effective, and require improvements, as well as their ability to organize and conduct lessons in a more structured and systematic manner. Step-by-step teaching and learning methods, progressing from simple to more complex and structured stages, as recommended by both theoretical frameworks in this study, can help Arabic language teachers enhance students' understanding and proficiency in mastering al-Insya' more effectively. Furthermore, the findings of this study also indicate several key challenges faced by teachers in this teaching process, including students' lack of understanding of the Arabic language, an overloaded Arabic language syllabus, and students' lack of confidence in al-Insya'.

Keywords: teachers' practices, approaches, *al-Insya'* writing skills, challenges.

---

1. Pendahuluan

Secara umum, pendidikan bahasa diajarkan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar dalam menguasai kefahaman dan kemahiran bahasa sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab atau bahasa-bahasa lainnya. Kemahiran bahasa dalam konteks pendidikan, bukan hanya melihat kepada kebolehan pelajar dalam bertutur atau berkomunikasi dalam bahasa tersebut, tetapi juga dalam penulisan. Ke arah mencapai kemahiran dan penguasaan bahasa, kurikulum pendidikan di sekolah, termasuklah kurikulum pendidikan bahasa Arab, menekankan kepada beberapa komponen atau kemahiran utama yang perlu dipelajari untuk dikuasai oleh pelajar iaitu, kemahiran 1) mendengar; 2) bertutur; 3) membaca; dan 4) menulis. Antara keempat-empat kemahiran ini, komponen 'menulis' merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai kerana pelajar perlu menguasai ketiga-tiga kemahiran utama yang lainnya dengan baik terlebih dahulu (iaitu; kemahiran mendengar; bertutur; dan membaca) bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis dalam bahasa tersebut dengan mudah.

2. Penyataan Masalah

Di Negara Brunei Darussalam, bahasa Arab merupakan bahasa kedua yang terkandung dalam kurikulum pendidikan sekolah Arab dan merupakan mata pelajaran wajib bagi semua pelajar yang mengikuti aliran Arab. Dalam konteks ini, kemahiran menulis bahasa Arab, khususnya kemahiran menulis *al-Insya'* (karangan) dalam bahasa Arab, di peringkat menengah, masih berada pada tahap yang lemah dan perlu diberikan perhatian. Ramai pelajar menghadapi kesukaran dalam menghasilkan penulisan *al-Insya'* yang baik. Kebanyakan pelajar belum dapat berfikir dan mengeluarkan idea secara kreatif, apatah lagi menyampaikan idea dalam bentuk karangan dengan tepat, lancar, dan berkualiti, walaupun mereka telah mempelajari bahasa Arab dalam tempoh waktu yang lama (Khazri Osman & Ku Esah Ku Ibrahim, 2012).

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Masalahnya kini, kelemahan dalam menulis *al-Insya'* bukan hanya dihadapi oleh pelajar di peringkat menengah rendah, tetapi juga di peringkat menengah atas, termasuk pelajar pengkaji sendiri. Hampir semua pelajar mengalami kesukaran dalam mengeluarkan *mufradat* (kosa kata), membina ayat serta menggabungkan ayat menjadi perenggan untuk menghasilkan sebuah *al-Insya'* yang baik.

Sehubungan dengan hal ini, ada beberapa kajian yang membincangkan tentang beberapa faktor utama penyebab kepada kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab sebagai bahasa kedua, termasuklah penulisan *al-Insya'*. Pertama, struktur bahasa Arab yang unik dan kompleks, menimbulkan kesukaran dan cabaran kepada pelajar untuk memahami dan menguasainya. Sebagai contoh, kajian Mohammed dan Mahmoud (2019) dalam artikelnya yang bertajuk, "*Challenges in Learning Arabic Grammar for Non-Native Speakers*", menunjukkan kesukaran pelajar dalam memahami tatabahasa dan susunan kata, seperti *i'rab* (tanda baris akhir perkataan) yang banyak mempengaruhi makna ayat dan menyebabkan pelajar sukar untuk menghasilkan penulisan yang betul. Kedua, kurangnya kefahaman pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata (*mufradat*), atau kosa kata (*vocabulary*) dalam bahasa Arab, juga antara penyebab kepada kelemahan pelajar dalam menghasilkan penulisan bahasa Arab (Ahmed, 2020) yang baik. Ketiga, kurangnya pendedahan daripada guru kepada pelajar dalam memberikan latihan menulis secara bebas. Memperbanyakkan latihan menulis secara bebas dapat membantu meningkatkan kebolehan pelajar dalam memperkaya dan memperluaskan kosa kata (*vocabulary*) dan pembentukkan ayat-ayat baru dalam penulisan bahasa Arab.

Menyedari masalah ini, kajian ini perlu dijalankan bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti penulisan *al-Insya'* dalam kalangan pelajar di sekolah Arab, khususnya, di Negara Brunei Darussalam. Secara spesifik, kajian ini memfokuskan kepada faktor pengajaran guru kerana beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa amalan dan strategi pengajaran guru serta cabaran yang mereka hadapi banyak mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dan kemahiran penulisan *al-Insya'* dalam kalangan pelajar.

3. Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk;

1) Mengenal pasti kaedah pengajaran yang guru gunakan dan amalkan di dalam pengajaran *al-Insya'* di sekolah.
2) Mengenal pasti cabaran yang guru hadapi dalam melaksanakan pengajaran *al-Insya'* di dalam kelas.

4. Soalan Kajian

Berdasarkan kepada penyataan masalah dan objektif kajian yang telah dijelaskan, ada beberapa persoalan kajian untuk dijawab seperti berikut;

1) Apakah kaedah pengajaran yang guru amalkan dalam pengajaran *al-Insya'* di sekolah?
2) Apakah cabaran utama yang guru hadapi dalam melaksanakan pengajaran *al-Insya'* di dalam kelas?

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

5. Kerangka Teori

Kajian ini berasaskan dua teori utama yang digunakan sebagai kerangka teori kajian ini, iaitu, 1) teori daripada tokoh falsafah pendidikan Islam, Teori Ibnu Khaldun (1332-1406 Masehi), dan 2) teori daripada seorang ahli psikologi Barat, Teori Lev Vygotsky (1896-1934 Masehi), untuk memahami secara mendalam amalan, strategi dan cabaran guru dalam pengajaran *al-Insya'* di sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam. Kedua-dua teori ini dipilih dan diadaptasi kerana prinsip-prinsip dan konsep-konsep utama teori-teori ini selaras dengan objektif dan fokus kajian.

5.1 Teori Ibnu Khaldun (1332-1406 Masehi)

Teori Ibnu Khaldun menekankan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berperingkat-peringkat; penerapan nilai dalam pendidikan, kebijaksanaan guru dalam pengajaran, dan pembentukan akhlak dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang dijelaskan dalam gambarajah 1 berikut.

Gambarajah 1: Prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran Teori Ibnu Khaldun (1967)

Dalam konteks pengajaran *al-Insya'*, prinsip-prinsip dalam teori Ibnu Khaldun (1967) dapat membantu guru memahami tentang cara pengajaran *al-Insya'* dengan berkesan. Prinsip *Tadarruj*, menekankan kepada pendidikan secara berperingkat-peringkat, bermaksud pengajaran perlu dilakukan bermula dari konsep asas yang mudah kepada konsep yang lebih susah atau kompleks. Sebagai contoh, pengajaran *al-Insya'* perlu dilakukan bermula dengan membuat latihan membina ayat yang mudah dan ringkas terlebih dahulu secara berperingkat-peringkat hingga kepada menghasilkan penulisan *al-Insya'* yang lebih susah atau kompleks. Di samping itu, teori ini juga menekankan kepada latihan praktikal yang berterusan dan diulang-ulang untuk meningkatkan kebolehan pelajar dalam mengembangkan kefahaman pemikiran, ahklak, membina dan mengembangkan kemahiran penulisan *al-Insya'* (Ibnu Khaldun, 1967).

Prinsip *hikmah* pula, menekankan kepada kebijksanaan guru dalam pengajaran. Dalam konteks ini, ia boleh difahami sebagai kebijaksanaan guru dalam memahami, mengadaptasi, dan mengaplikasikan pengajaran *al-Insya'* dengan menggunakan strategi atau kaedah yang sesuai dengan peringkat umur pelajar, agar mereka dapat memahami dan menguasai pelajaran dengan mudah. Manakala, prinsip *takhalluq*, menekankan kepada pembentukan akhlak atau sifat yang baik (Ibnu Khaldun, 1967). Dalam konteks ini, guru perlu membentuk akhlak pelajar dan menerapkan nilai-nilai yang murni dan Islam ke dalam pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'*.

5.2 Teori Lev Vygotsky (1896-1934 Masehi)

Teori Vygotsky (1978) pula menekankan kepada aspek bagaimana interaksi sosial dan sokongan guru boleh membantu pembelajaran *al-Insya'* pelajar dalam membina kemahiran

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

menulis *al-Insya'* dengan berkesan. Teori ini berkait rapat dengan amalan pengajaran guru terutama melalui konsep-konsep utamanya iaitu; Zon Perkembangan Proksimal (ZPD); rangka sokongan (*scaffolding*); dan peranan bahasa dalam pembelajaran kemahiran menulis. Menurut teori ini, guru boleh membantu kefahaman dan kemahiran menulis *al-Insya'* pelajar dengan membimbing mereka melalui konsep ZPD. Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) bermaksud "Jarak antara tahap perkembangan semasa seorang individu (apa yang dapat dilakukan sendiri) dan tahap perkembangan potensi mereka (apa yang dapat dicapai dengan bantuan orang lain yang lebih mahir, seperti guru, rakan sebaya, atau mentor)"(Vygotsky, 1978). Kajian Hammond et al. (2001), yang menyokong teori Vygotsky (1978) menjelaskan dapatan kajian mereka bahawa, guru yang memahami ZPD berupaya menghasilkan aktiviti pembelajaran yang lebih teratur iaitu pembelajaran secara berperingkat-peringkat, dari aktiviti pembelajaran yang mudah kepada aktiviti pembelajaran yang lebih susah dan kompleks.

6. Sorotan Literatur

Keberkesanan pelaksanaan pengajaran guru dalam pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab adalah sangat penting terutama bagi pelajar yang bukan penutur jati. Oleh itu, aktiviti pembelajaran yang sesuai adalah perlu bagi membolehkan guru meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Salah satu pendekatan yang disarankan oleh para pengkaji bahasa untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar termasuk bahasa Arab ialah kaedah sumbang saran (*brainstorming*). Sumbang saran merupakan salah satu kaedah yang boleh mencetuskan atau menghasilkan sebuah idea. Menurut Harmer (2001), strategi sumbang saran boleh membantu guru menggalakkan pembelajaran aktif di dalam kelas dan membolehkan guru memahami kebolehan pelajar dalam mendengar, memahami, mentafsir, dan mengintegrasikan idea.

Berdasarkan kepada kajian Indah Eyah Abu Samah (2012), ada membuktikan bahawa teknik sumbang saran dapat memberikan kesan yang signifikan dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan dari segi skor pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis karangan serta meningkatkan penguasaan pelajar dalam aspek idea dan olahan. Hasil dapatan kajian beliau juga secara tidak langung dapat menambah nilai positif pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran menulis karangan yang dianggap kompleks dan sukar. Di samping itu juga teknik sumbang saran dapat menjadikan karangan yang ditulis oleh pelajar menjadi lebih menarik dan teratur.

Selain daripada itu, kaedah bercerita juga boleh membantu meningkatkan penulisan *al-Insya'* (karangan) dalam kalangan pelajar kerana menurut Shahabuddin dan Rohizani (2003) kaedah bercerita melatih pelajar untuk berfikir. Kefahaman pelajar tentang *al-Insya'* boleh dikembangkan apabila guru menggunakan kaedah ini dan menggunakan gambar yang berkaitan dengan tajuk bagi membolehkan pelajar mendapat gambaran dan menjadikan mereka lebih bersedia tentang tajuk yang dikemukakan. Kemudian, melaluinta, guru juga boleh mengarahkan pelajar untuk mencari isi-isi penting dengan berpandukan gambar yang ditunjukkan. Dengan kaedah ini, guru dapat membantu meningkatkan prestasi kemahiran menulis karangan pelajar dengan adanya ransangan untuk pelajar berfikir.

Kajian Zuraini Jusoh dan Abdul Rasid Jamian (2014) menunjukkan peningkatan yang signifikan terhadap prestasi penulisan karangan naratif pelajar selepas menggunakan teknik bercerita. Skor purata yang diperoleh dari pra ujian 14.74 dan skor purata yang diperoleh dari pasca ujian ialah 23.15. Akan tetapi hasil kajian ini hanya meningkat kepada tahap sederhana sahaja bukan kepada tahap cemerlang. Oleh yang demikian, Zuraini Jusoh dan Abdul Rasid

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Jamian (2014) menegaskan bahawa bilamana guru mengaplikasikan strategi ini, guru perlulah mengambil kira tentang persediaan guru sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah kedudukan pelajar di dalam kelas dan strategi atau kaedah guru dalam menyampaikan cerita perlulah lebih terarah dan sistematik agar kaedah ini akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Sungguh pun begitu, ada beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang pelbagai cabaran yang guru hadapi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab termasuklah *al-Insya'*. Salah satu cabaran yang besar yang guru hadapi, terutama dalam mengajar pelajar yang mempelajari bahasa asing (bukan penutur jati) ialah masalah penguasaan Bahasa Arab dan struktur karangan yang baik, termasuk pengenalan, isi, dan penutup yang teratur. Kajian Nurul Aisyah Abdullah (2016) menyatakan kurangnya penguasaan pelajar dalam pembelajaran bahasa menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk mencapai penulisan karangan yang baik. Guru juga perlu menangani perbezaan tahap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar, yang memerlukan pendekatan pengajaran yang berbeza-beza untuk memenuhi keperluan individu.

Selain itu, menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam menghasilkan idea-idea baru juga merupakan satu lagi cabaran, terutama dalam suasana pembelajaran yang mungkin kurang kondusif. Selain itu juga, antara cabaran guru ialah menghadapi pelajar yang lemah. Menurut kajian Lai Lee Chung (2017) senario pengajaran terkini bagi guru Bahasa Melayu mengamalkan pengajaran menulis karangan dengan kaedah hafalan dalam teknik pengajaran mereka. Pelajar yang lemah ini akan diminta untuk menghafal karangan yang dibina oleh guru sebagai persediaan pelajar tersebut menghadapi peperiksaan. Justeru itu perkara ini tidak mustahil berlaku bagi pengajaran bahasa yang bukan penutur jati. Hal ini akan menjadikan pelajar itu tidak dapat berfikir secara kreatif dan kritis kerana mereka sentiasa disuap *spoon-feeding method* oleh guru (Siti Akmar Abu Samah, Kamaruzzaman Jusoff & Abu Daud Silong, 2009). Semua cabaran-cabaran ini memerlukan guru untuk sentiasa mencari strategi pengajaran yang inovatif dan efektif untuk memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik, kreatif dan berkualiti.

7. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini berbentuk kualitatif di mana seramai empat orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab dipilih untuk ditemubual bagi mendapatkan maklumat mengenai amalan pengajaran *al-Insya'* (karangan) mereka di dalam kelas, terutama untuk mengenal pasti strategi dan cabaran yang mereka hadapi dalam mengajar *al-Insya'* di peringkat menengah Arab. Peserta dalam kajian ini dipilih secara rawak. Dalam kajian ini, instrumen temubual berstruktur digunakan untuk mendapatkan dan mengumpulkan data maklumat mengenai pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'*. Untuk analisis data, kaedah tematik diaplikasikan bagi mengenal pasti tema-tema utama untuk membantu dalam memahami dan menganalisis data secara lebih mendalam tentang strategi pengajaran yang digunakan dan diamalkan oleh guru, keberkesanan strategi dalam pengajaran dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran *al-Insya'*.

7.1 Demografi Peserta Kajian

Kajian kualitatif ini melibatkan empat orang guru yang mengajar bahasa Arab di mana kesemua guru ini (Guru A, Guru B, Guru C, dan Guru D) mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab. Dari segi umur, Guru A berumur 46 tahun, Guru B berumur 36 tahun, Guru C berumur 44 tahun dan Guru D berumur 36 tahun. Dari segi kelulusan akademik, Guru A dan Guru B

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

adalah graduan Universiti Al-Azhar. Manakala Guru D merupakan graduan Universiti Jordan, dan Guru C adalah graduan Universiti Brunei Darussalam. Selain itu, Guru A mempunyai kelulusan *Post Graduate Certificate in Education* (PGCE) dan Sijil Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dari ILI Mesir. Guru C pula mempunyai kelulusan PGCE dalam *Teaching Arabic As A Second Language* (TASL). Sementara, Guru B dan Guru D mempunyai kelulusan Diploma dalam Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (DPULI). Dari segi pengalaman mengajar, Guru A dan Guru C mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab selama 16 tahun. Guru D mempunyai pengalaman mengajar selama 6 tahun, dan Guru B pula selama 4 tahun.

Berikut adalah jadual mengenai latar belakang peserta kajian ini:

Jadual 1: Latar belakang peserta kajian (guru-guru bahasa Arab yang dikaji)

	Guru A	Guru B	Guru C	Guru D
Jantina	Perempuan	Lelaki	Lelaki	Lelaki
Umur	46 tahun	36 tahun	44 Tahun	36 tahun
Latar belakang pendidikan	Sekolah Arab	Sekolah Arab	Sekolah Arab	Sekolah Arab
Kelulusan akademik	Universiti Al-Azhar	Universiti Al-Azhar	Universiti Brunei Darussalam	Universiti Jordan
Kelulusan lanjutan	PGCE	DPULI	PGCE	DPULI
Kelulusan ikhtisas	ILI	-	-	-
Pengalaman mengajar	16 tahun	4 tahun	16 tahun	6 tahun

8. Dapatan Kajian

8.1 Strategi pengajaran yang guru-guru bahasa Arab amalkan dalam pengajaran *al-Insya'* di sekolah

Melalui temu bual yang dijalankan bersama 4 orang guru bahasa Arab tentang amalan pengajaran *al-Insya'* di sekolah, terdapat tiga pendekatan atau strategi pengajaran yang diamalkan oleh guru iaitu 1) strategi sumbang saran (*brainstorming*); 2) kaedah pengajaran berperingkat (*scaffolding method*); dan 3) kaedah bercerita (*storytelling*) dengan perbincangan (*discussion*). Ketiga-tiga pendekatan atau strategi pengajaran yang mereka amalkan ini mereka anggap sesuai dan berkesan bagi usaha untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar dalam menguasai penulisan *al-Insya'* dengan baik.

1) **Strategi sumbang saran (*brainstorming*)**

Dari analisis temu bual menunjukkan bahawa guru-guru bahasa Arab mengamalkan kaedah sumbang saran (*brainstorming*) sebagai salah satu cara untuk membimbing dan meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar dalam menulis *al-Insya'*. Sebagai contoh, dari kenyataan Guru D menjelaskan bahawa kaedah ini digunakan untuk membolehkannya berbincang bersama pelajar mengenai "*satu-satu tajuk al-Insya' (karangan) yang diajarkan dan yang akan ditulis di dalam karangan al-Insya'(karangan)…"*(Guru D). Guru C pula menjelaskan bagaimana kaedah sumbang saran ini diaplikasikannya di dalam pengajaran *al-Insya'*. Menurut kenyataannya, bilamana strategi sumbang saran ini diaplikasikannya di dalam pengajaran *al-Insya'*, bantuan dalam membuat ayat menggunakan tatabahasa Arab juga akan diberikan kepada pelajar sepertimana yang dinyatakan di dalam keterangannya berikut.

> *"…Dibuat 'brainstorming' (sumbang saran), dibagi (diberikan) lagi bantuan membuat ayat… Penggunaan Fi'il (kata kerja), penggunaan Isim (kata nama),*

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

penggunaan huruf, ataupun penggunaan Masdar (kata dasar), ataupun nama terbitan…" (Guru C).

Dalam hal ini, Guru C percaya bahawa mengaplikasikan pengajaran dengan cara ini boleh membantu meningkatkan kemahiran pelajar dalam membuat ayat dan seterusnya menghasilkan penulisan *al-Insya'* kerana menurut keterangannya, *"apabila pelajar itu sudah terbiasa, mereka akan dapat membuat Insya' (karangan) dengan lebih mudah"* (Guru C).

2) Kaedah pengajaran berperingkat (*scaffolding method*)

Selain itu, analisis kajian mendapati guru-guru bahasa Arab dalam kajian ini juga mengamalkan kaedah pengajaran berperingkat (*scaffolding method*) di mana pengajaran mereka mengutamakan penglibatan pelajar secara aktif untuk mengeluarkan idea. Salah seorang daripada mereka menyatakan bahawa tujuan kaedah ini digunakan adalah *"untuk menggalakan pelajar mengutarakan idea ataupun pendapat mereka masing-masing dalam perkataan bahasa arab, dan menggunakan perkataan-perkataan bahasa Arab yang sangat mudah terlebih dahulu. Kemudian, dari perkataan-perkataan ini digunakan untuk membina satu ayat terlebih dahulu. Selepas itu, diteruskan sehingga menjadi ayat-ayat, seterusnya sehingga ia menjadi perenggan, sehingga ia menjadi satu Insya'…"*(Guru B). Dapatan kajian mendapati hanya seorang guru (iaitu Guru B) sahaja yang menjelaskan bagaimana kaedah ini diaplikasikannya di dalam pengajaran *al-Insya'* walaupun kenyataan tentang bagaimana penglibatan pelajar serta aktiviti yang diberikan masih belum cukup dijelaskan secara terperinci. Namun begitu, data ada mendapati bahawa kebanyakan guru yang lebih mendominasi dalam pengajaran *al-Insya'* (karangan) ini iaitu guru yang membina *al-Insya'* (karangan) bukan pelajar.

3) Kaedah bercerita (*storytelling*)

Seterusnya, analisis temu bual juga mendapati bahawa ada beberapa orang guru Bahasa Arab yang dikaji mengaplikasikan kaedah bercerita dalam mengajar *al-Insya'* di mana "*beberapa gambar yang berkaitan dengan tajuk tersebut"* (Guru D) digunakan untuk menjadikan pembelajaran *al-Insya'* lebih menyeronokkan. Selain daripada itu, dapatan juga menunjukkan bahawa ada guru yang mengajar *al-Insya'* dengan menggabungkan kaedah ini dengan kaedah lain kerana guru ini percaya bahawa mengajar dengan cara bercerita sambil berbincang bersama pelajar, sebagai contoh yang diberikannya iaitu tentang "*cara-cara membuat sandwich, cara kitani membuat perhiasan rumah, menjadikan mereka secara inda (tidak) langsung merasa seronok dan mencuba untuk menggunakannya dengan bahasa Arab"* (Guru A).

8.2 Cabaran utama yang guru-guru bahasa Arab hadapi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'*(karangan) di dalam kelas

Analisis temubual mendapati bahawa guru-guru bahasa Arab yang dikaji menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan pengajaran *al-Insya'* termasuklah masalah-masalah seperti 1) kurang kefahaman pelajar terhadap bahasa Arab; 2) silabus mata pelajaran Bahasa Arab yang terlalu banyak; dan 3) kurang keyakinan diri pelajar terhadap *al-Insya'*.

1) Kurang kefahaman pelajar terhadap bahasa Arab

Hasil kajian mendapati bahawa masalah kurangnya kefahaman pelajar terhadap kemahiran penulisan *al-Insya'* merupakan salah satu cabaran yang guru-guru bahasa Arab. Kebanyakan guru menyuarakan masalah kelemahan pelajar terhadap penguasaan perbendaharaan kata (*mufradat*) atau kosa kata (v*ocabulary*). Sebagai contoh, menurut

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

kenyataan dari Guru A, "*walaupun mereka (pelajar) mempunyai idea tapi disebabkan oleh keterbertasan idea ataupun kalimah untuk ditulis, membuat mereka (pelajar) tidak dapat menghasilkan Insya' (karangan) yang lebih baik dan kreatif"* (Guru A).

2) Silabus mata pelajaran Bahasa Arab yang terlalu banyak

Selain daripada itu, dapatan kajian temubual juga mendapati bahawa guru-guru bahasa Arab yang dikaji juga menghadapi cabaran tentang kandungan silabus mata pelajaran Bahasa Arab yang terlalu banyak, sehingga menjadikan mereka susah untuk memberikan aktiviti-aktiviti pembelajaran penulisan *al-Insya'* yang diinginkan. Salah seorang guru yang dikaji (iaitu Guru B) mencadangkan jika boleh "*silabus (syllabus) yang ada pada masa ini perlu dikurangkan kerana mata pelajaran Bahasa Arab tidak hanya menumpukan kepada Insya' sahaja tetapi juga mengajar istima' (mendengar), muhadasah (bertutur), dan fahaman*" (Guru B). Bagi Guru D, walaupun kandungan silabus Bahasa Arab ini terlalu banyak tetapi ia masih "*boleh dihabiskan jika sekiranya sekolah itu tidak mempunyai aktiviti-aktiviti yang lain yang boleh mengganggu sesi pembelajaran Insya' (karangan) itu"* (Guru D). Cuma masalahnya, guru-guru yang mengajar Bahasa Arab juga diberikan tugasan sampingan selain daripada mengajar seperti melaksanakan aktiviti kokurikulum dan sebagainya dan ini membebankan guru. Dengan timbulnya masalah ini, Guru C memberikan saranan, jika boleh "*kandungan yang ada pada silabus mata pelajaran Bahasa Arab ini dikurangkan terutama yang di peringkat menengah bawah iaitu Tahun 7 agar guru dapat lebih fokus kepada pemantapan kemahiran-kemahiran yang dikehendaki untuk Insya' (karangan)…"* (Guru C).

3)* Kurang keyakinan diri pelajar terhadap *al-Insya'

Analisis kajian mendapati sikap kurang keyakinan diri pelajar seperti merasa takut dan tidak berani mencuba apabila disuruh menghasilkan sesuatu ayat *al-Insya'* adalah diantara cabaran utama yang guru-guru Bahasa Arab hadapi dalam mengajar *al-Insya'*. Ini disebabkan oleh*"kebanyakan pelajar memang kurang mufradat (perbendaharaan kata atau kosa kata)" (Guru C).* Oleh disebabkan masalah ini, Guru C menegaskan*, "guru perlu menanamkan sikap minat pelajar untuk mempelajari dan meningkatkan kebolehan pelajar dalam menguasai kefahaman Bahasa Arab terutama kosa kata (vocabulary).* Kenyataan dari Guru D pula, guru-guru Bahasa Arab perlu selalu mendorong dan menggalakan pelajar untuk memperbanyakkan membaca buku dan melihat filem (*video*) dalam bahasa Arab boleh membantu pelajar meningkatkan kosa kata kerana pelajar lebih "*bersedia kepada suasana Bahasa Arab di sekelilingnya*" (Guru D). Sementara guru B pula mencadangkan bahawa mendedahkan pelajar dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran *al-Insya'* misalnya, "*menggunakan kamus seperti Google translate juga amat membantu"* (Guru B) dalam menarik minat dan keyakinan diri pelajar mempelajari, memahami dan menguasai kota kata. Dari kenyataan dan pandangan dari guru-guru Bahasa Arab yang dikaji, dapatlah difahami bahawa keyakinan diri dalam kalangan pelajar terhadap kemahiran penulisan *al-Insya'* boleh dipertingkatkan jika pelajar mempunyai penguasaan Bahasa Arab yang baik.

9. Perbincangan dan Cadangan

Amalan pengajaran guru dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Arab adalah sangat penting dalam membimbing pelajar untuk menguasai kemahiran menulis *al-Insya'* dengan baik dan berkesan terutama bagi pelajar-pelajar yang bukan penutur jati. Pendekatan pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang sesuai perlu dilaksanakan oleh guru untuk meningkatkan kemahiran ini. Dalam konteks kajian ini, hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua guru bahasa Arab

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

yang dikaji mengamalkan pendekatan pengajaran yang sesuai dan berpusatkan kepada pelajar. Akan tetapi, terdapat beberapa aspek yang kurang jelas dan belum cukup berkesan terutamanya dalam konteks bagaimana guru-guru bahasa Arab melaksanakan kaedah-kaedah ini di dalam kelas, dan ini memerlukan penambahbaikan serta kebijaksanaan guru-guru bahasa Arab dalam menyusun dan mengendalikan pengajaran dengan lebih berstruktur dan bersistematik. Kebijksanaan guru dalam pengajarannya sangat penting dan ini merupakan salah satu prinsip yang ditekankan di dalam Teori Ibnu Khaldun (1967) iaitu prinsip *hikmah* yang memerlukan kebijaksanaan guru dalam memahami, mengadaptasi, dan mengaplikasikan pengajaran menggunakan kaedah yang sesuai dengan peringkat umur pelajar, agar mereka dapat memahami dan menguasai pelajaran dengan mudah dan baik.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, salah satu kaedah yang guru-guru bahasa Arab amalkan dalam pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'* ialah kaedah sumbang saran (*brainstorming method*). Kaedah ini memang sesuai kerana melibatkan pembelajaran dua hala yang aktif di antara guru dan pelajar bagi sama-sama berbincang dan mengkaji tentang kandungan yang ada di dalam penulisan karangan seperti pendahuluan, isi penting, huraian dan contoh-contoh yang sesuai sebelum pelajar memulakan penulisan karangan (Yasmin Hussain & Mohammad Taufiq Abdul Ghani, 2024) mereka masing-masing. Disamping itu, cara ini dapat membantu pelajar dalam meningkatkan penguasaan dan kefahaman mereka dalam menulis karangan (Norafidah, 2017; Yasmin Hussain & Mohammad Taufiq Abdul Ghani, 2024) dengan lebih baik. Namun begitu, dalam konteks kajian ini, tidak banyak data yang diperolehi dengan jelas tentang bagaimana guru-guru Bahasa Arab yang dikaji mengaplikasikannya di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu mengaplikasikan kaedah ini dengan lebih teratur dan berstruktur. Dalam hal ini, garis panduan yang dicadangkan oleh Osborn (1957) dalam artikel Rainal Hidayat Wardi et. al (2016) boleh membantu guru mengajar *al-insya'* di dalam kelas dengan lebih teratur dan berkesan seperti berikut:

1) Menggalakan pelajar mengeluarkan idea dan tidak mengkritik idea yang dihasilkan semasa sesi sumbang saran kerana objektif utama adalah kuantiti idea. Kritik hanya akan menghalang proses penyenaraian idea-idea oleh setiap pelajar atau ahli kumpulan.
2) Penjanaan idea perlu bebas dan tidak disekat. Ini bertujuan untuk meneroka kemungkinan idea-idea yang unik serta menarik.
3) Mengutamakan kuantiti idea. Ini bertujuan untuk mengembangkan lagi idea-idea yang telah dijana. Idea yang banyak akan meningkatkan kebarangkalian yang tinggi untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
4) Melalui idea yang telah dijana, peserta sumbang saran berkumpulan digalakkan menggunakan idea peserta lain dengan menggabung dan mengembangkan lagi idea-idea tersebut (Osborn dalam Rainal Hidayat Wardi et al., 2016).

Selain dari itu, hasil analisis kajian juga mendapati guru-guru mengamalkan kaedah pengajaran secara berperingkat-peringkat (*scaffolding method*). Cara pengajaran ini memang sesuai dan bertepatan dengan Teori Ibnu Khaldun (1967) dan Teori Lev-Vygotsky (1978) yang menekankan kepada pengajaran secara berperingkat-peringkat iaitu daripada yang mudah kepada yang kompleks. Keberkesanan pengajaran seperti ini juga ditekankan oleh Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) di dalam kajiannya yang menunjukkan adanya kesan dan peningkatan yang positif dan tinggi terhadap jumlah purata tahap skor min yang mencapai kepada 3.72 terhadap pencapaian dan kemahiran pelajar dalam pembelajaran yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Akan tetapi, dalam konteks kajian ini, hanya seorang peserta kajian (guru Bahasa Arab yang dikaji) sahaja yang menjelaskan bagaimana kaedah ini diaplikasikannya di dalam pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'* walaupun

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

kenyataannya masih belum cukup terperinci. Apa yang jelas dari hasil dapatan kajian ini adalah guru lebih mendominasi pengajaran *al-Insya'* (karangan) iaitu guru yang membina *al-Insya'* (karangan) bukannya pelajar.

Oleh kerana itu, kajian ini mencadangkan beberapa cara pelaksanaan pengajaran yang lebih berkesan untuk guru Bahasa Arab aplikasikan dan amalkan dalam pengajaran *al-Insya'*. "Rangka sokongan" (*scaffolding*) berdasarkan Teori Lev-Vygotsky (1978) iaitu "sokongan sementara" boleh diaplikasikan ke dalam pengajaran *al-Insya'* apabila menggunakan kaedah ini terutama semasa pelajar mempelajari kemahiran baru. Menurut teori ini, sokongan ini bersifat sementara dan akan dikurangkan secara beransur-ansur apabila pelajar sudah memahami dan menguasai pembelajaran tersebut. Tujuannya, agar pelajar menjadi lebih berdikari dalam menghasilkan karya penulisan *al-Insya'* mereka dan tidak sentiasa berharap dan bergantung sepenuhnya dengan sokongan dari guru secara berpanjangan. Sebagai contoh, pada peringkat permulaan, guru boleh menyediakan contoh-contoh karangan, kerangka penulisan (*writing outline*), atau senarai kosa kata (*vocabulary list*) untuk pelajar. Pada peringkat lanjutan, guru boleh menggalakan pelajar dengan memberikan mereka latihan menulis secara bebas tanpa bantuan dari guru.

Seterusnya, bagi menggalakkan dan melibatkan pelajar supaya aktif berfikir dan mengeluarkan idea dengan lebih baik, Teori Lev-Vygotsky (1986) juga menyarankan agar guru memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi sosial dan berbincang sesama mereka dalam membuat aktiviti berkumpulan terutama dalam kumpulan kecil bagi menggalakan mereka bekerjasama dan saling bantu membantu sama ada dalam mencari idea, atau pun dalam merangka isi karangan sebelum menghasilkan penulisan. Pelaksanaan pengajaran seumpama ini juga telah dijalankan oleh Donato (1994) di dalam kajiannya dan mendapati bahawa interaksi sosial melalui perbincangan dan kerjasama sesama pelajar, dapat membantu pelajar dalam mengembangkan dan meningkatkan kemahiran menulis dengan lebih berkesan. Di samping itu, guru juga perlu memberikan peluang kepada pelajar untuk saling memberikan maklum balas terhadap karangan masing-masing (Vygotsky, 1986), bagi membantu memperbaiki penulisan mereka masing-masing.

Aktiviti berkumpulan seumpama ini memang disukai pelajar dan sekarang ini aktiviti ini dinamakan sebagai pembelajaran kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif merupakan salah satu aktiviti pembelajaran Abad ke 21 yang berkesan kerana melibatkan pelajar sepenuhnya dalam pembelajaran mereka. Namun, kajian Lai Lee Chung et al. (2017) mendapati guru-guru jarang mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran menulis karangan disebabkan kekangan semasa pelaksanaannya (Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng, 2017).

Oleh itu, bagi membolehkan guru melaksanakan pembelajaran kolaboratif di dalam pengajaran *al-Insya'* dengan berkesan, model pembelajaran kolaboratif yang disarankan oleh Vijayaletchumi (2024) yang mana di dalamnya terkandung lima fasa, boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'* iaitu pertama ialah penglibatan, yang mana pada fasa penglibatan ini pelajar mendapatkan maklumat semasa aktiviti berkumpulan. Guru akan menerapkan pengajaran secara berpandu dengan menggunakan pelbagai soalan yang berkaitan. Fasa kedua ialah eksplorasi, yang mana pelajar diberikan peluang untuk melakukan eksplorasi bagi mendapatkan maklumat. Guru akan menyediakan kertas kerja dalam bentuk jadual yang mencakupi penanda wacana untuk digunakan dalam penulisan karangan dan memastikan pelajar menggunakan penanda wacana yang bersesuaian dalam setiap bahagian karangan. Fasa ketiga ialah transformasi, yang mana pelajar diminta untuk membincangkan maklumat yang

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

diperoleh. Guru akan bertindak membantu pelajar dalam memberikan maklumat tambahan. Fasa keempat ialah pembentangan, yang mana pelajar hendaklah membentangkan atau menunjukkan hasil penulisan mereka. Dalam hal ini guru bolehlah membuat aktiviti *gallery walk* iaitu pelajar diarahkan untuk bergerak dari satu kumpulan kepada kumpulan yang lain bertujuan untuk menilai hasil penulisan rakan sebaya yang lain. Fasa yang terakhir iaitu fasa kelima ialah refleksi. Dalam fasa ini guru membuat penilaian secara menyeluruh terhadap penulisan pelajar dengan memberikan cadangan untuk penambahbaikan dan seterusnya pelajar diberikan tugaan untuk menghasilkan penulisan karangan secara individual (Vijayaletchumi, 2024).

Selain dari kaedah sumbang saran (*brainstorming*) dan pengajaran berperingkat (*scaffolding method*), hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa guru juga mengamalkan kaedah bercerita dengan menggunakan gambar sambil berbincang dan bersoal jawab dengan pelajar. Amalan guru menggunakan kaedah ini memang sesuai dan berkesan. Ini menyokong pendapat Shahabuddin dan Rohizani (2003) yang menegaskan bahawa strategi bercerita melatih pelajar untuk berfikir. Aktiviti bercerita, perbincangan, soaljawab dan sumbang saran yang merupakan aktiviti lisan boleh membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dan kemahiran penulisan pelajar. Kajian Mercer (2000) menunjukkan bahawa aktiviti lisan yang berkualiti antara guru dan pelajar dalam perbincangan mengenai sesuatu tajuk atau tema dapat membantu pelajar membina kefahaman tentang pengetahuan baharu yang berguna dalam penulisan mereka. Menggabungkan kaedah bercerita dengan soal jawab dapat membantu Bagi pandangan Parimala (2022) pula, soal jawab banyak melibatkan kompetensi guru untuk bertanya dan mampu menjadikan pelajar berfikir secara efektif. Di samping itu, guru juga dapat membuat penilaian pemahaman pelajar melalui tindak balas semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Yasmin Hussain & Mohammad Taufiq Abdul Ghani, 2024) *al-Insya'* dijalankan.

Kajian oleh Muslimah K.C et al. (2024) yang menekankan kepada penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan projek juga sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'*. Pendekatan ini melibatkan pelajar dalam projek yang memerlukan mereka menghasilkan penulisan dalam bahasa Arab yang membantu meningkatkan kemahiran menulis mereka melalui pengalaman secara praktikal (Kiki Cahaya Muslimah, Miftahul Huda, R. Taufiqurrochman & Mohammad Affan, 2024).

Dalam kajian ini, dapatan juga mengenal pasti beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Arab yang dikaji yang mempengaruhi keberkesanan amalan pengajaran al-Insya' mereka. Masalah kelemahan pelajar dalam menguasai Bahasa Arab terutama perbendaharaan kata (*mufradat*) atau kosa kata (*vocabulary*) menurut Mohd. Shahrizal Nasir et al. (2014) boleh diperbaiki dengan cara guru perlu membentuk suasana pembelajaran yang melibatkan penggunaan pancaindera dalam situasi tertentu di luar bilik darjah kerana suasana ini dapat memberikan banyak manfaat kepada pelajar dalam proses memperoleh perbendaharaan kata. Mohd Shahrizal Nazir et al. (2014) mencadangkan salah satu pendekatan yang boleh diaplikasikan iaitu pendekatan yang mereka namakan sebagai "Program Jawlah Lughawiyyah". Program ini merupakan medium alternatif bagi para guru dan dilihat mampu meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Aktiviti dalam program ini, melibatkan pelajar membuat pemerhatian menggunakan pancaindera, perbincangan secara berkumpulan, perkongsian maklumat bersama rakan, pembentangan hasil pemerhatian, dan penulisan karangan, saling melengkapi dalam pemerolehan kosa kata baharu yang dapat meningkatkan kemahiran menulis pelajar (Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir, Mohd Firdaus Yahaya, 2014).

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Sementara, bagi cabaran utama yang guru hadapi tentang kurang keyakinan diri pelajar terhadap *al-Insya',* pembelajaran yang banyak mendedahkan pelajar kepada penggunaan teknologi mampu meningkatkan keyakinan pelajar seperti kajian yang dijalankan oleh Arsyad (2014) yang menekankan tentang penggunaan bahan media seperti bahan visual dan digital dapat membantu pelajar memahami struktur dan tatabahasa bahasa Arab dengan lebih baik seterusnya secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam kemahiran menulis. Hasil kajian Arsyad (2014) ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa Arab dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa tersebut (Damar Gemilang & Hastuti Listiana, 2020). Kajian lain seperti kajian yang dijalankan oleh Chanpet et al. (2020) yang menekankan kepada kepentingan penilaian formatif dalam pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab juga boleh meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam mempelajari dan menguasai kemahiran *al-Insya'*.

10. Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan temubual bersama guru-guru Bahasa Arab yang dikaji, kajian ini telah mengenalpasti pendekatan pengajaran yang mereka amalkan dan cabaran-cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan pengajaran *al-Insya'* di sekolah. Dalam tujuan untuk menghasilkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran *al-Insya'* (karangan), guru hendaklah mempelbagaikan kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Teori Ibnu Khaldun (1967) telah mengemukakan tiga prinsip iaitu prinsip tadaruj, prinsip hikmah dan prinsip takhalluq. Semua prinsip ini perlu dalam membantu strategi pengajaran bahasa Arab yang sesuai dengan pendekatan konstruktivisme, memberikan peluang kepada guru untuk mengamalkan strategi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini secara tidak langsung membantu pelajar menguasai dan memahami ilmu melalui pengalaman mereka semasa proses tersebut. Pendekatan ini juga selaras dengan teori Teori Lev Vygotsky (1978) yang boleh membantu pelajar menguasai dan memahami kemahiran menulis *al-Insya'* dengan lebih berkesan.

Kaedah yang digunakan oleh guru dapat membawa kejayaan kepada pelajar jika guru mengadaptasi strategi yang digunakan berdasarkan teori pendidikan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dan Lev Vygotsky. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai strategi, akan tetapi guru masih mendominasi kebanyakan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kaedah seperti sumbang saran, berperingkat-peringkat, bercerita dan menggunakan bahan ransangan seperti tunjuk gambar yang berkaitan dengan tajuk penulisan *al-Insya'* (karangan) perlu kepada persediaan dan pelaksanaan yang lebih teliti. Oleh yang demikian, kajian ini berharap pihak-pihak tertentu yang mengamalkan strategi-strategi dalam kajian ini mengambil perhatian untuk memastikan strategi yang digunakan lebih teratur dan bersistematik dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutama sekali kemahiran menulis bahasa Arab *al-Insya'* (karangan) dalam kalangan pelajar di sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam.

Rujukan

Ahmed, S. (2020). Vocabulary Deficiency and its Impact on Writing Skills. *Journal of Educational and Social Research*, 8(1), 121-130. http://doi.org/10.36941/jesr-2020-0015.

Azhar Arsyad (2014). *Media Pembelajaran*. Edisi Revisi. Indonesia: Rajawali Pers

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Chanpet, P., Choomthong, D., & Wasanasomsithi, P. (2020). Formative Assessment in Teaching Arabic Writing Skills: A Case Study. *Journal of Language Teaching and Research*, 11(3), 345-356.

Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 67-87.

Damar Gemilang & Hastuti Listiana. (2020). Media Pembelajaran dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Journal of Arabic Teaching, Linguistics & Literature*, 49-64.

Donato, R. (1994). Collective Scaffolding in Second Language Learning. Dalam J.P. Lantolf dan G. Appel (Eds.), *Vygotskian Approaches to Second Language Research* 33-56. Ablex Publishing.

Ghani, Y. H. (2024). Penerokaan Amalan Pengajaran Terbaik dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Satu Kajian Perspektif Bahasa Arab di Daerah Temerloh Pahang. *Sains Insani Vol 9(1)*, 85-92.

Hammond, J., Burns, A., Joyce, H., Brosnan, D., & Gerot, L. (2001). *Scaffolding: Teaching and Learning in Language and Literacy Education.* PETA (Primary English Teaching Association).

Harmer, J. (2001). *The Practice of English Language Teaching (3rd edition).* Harlow: Longman.

Ibn Khladun, A.A. (1967). *Muqaddimah: An Introduction to History* (F.Rosential, Trans.). Princeton University Press.

Indah Eyah Abu Samah. (2012). *Menilai Keberkesanan Teknik Sumbang Saran Terhadap Pencapaian Kemahiran Menulis Karangan Murid Tingkatan Empat.* Selangor: University Putra Malaysia.

Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat Al-Kitabah. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 12 (PKEBAR'12)*, (pp. 130-138).

Kiki Cahaya Muslimah, Miftahul Huda, R. Taufiqurrochman & Mohammad Affan. (2024). Linguistic Landscape in Arabic Writing Skills: Learning Project-Based Learning Approach. *Izdihar: Journal of Arabic Language Teaching ,Linguistics and Literature*, 231-248.

Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng. (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan Dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1-12.

Mercer, N. (2000). *Words and Minds: How We Use Language to Think Together.* Routledge.

Mohammed, A. & Mahmoud, H. (2019). Challenges in Learning Arabic Grammar for Non-Native Speakers. *International Journal of Linguistics, Literature, and Translation*, 2(4), 58-68. http://doi.org/10.5539/ijllt.v2n4p58.

Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir, Mohd Firdaus Yahaya. (2014). Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio: Satu Tinjauan. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab.* Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.

Norafidah, N. (2017). Pembinaan Model Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Berdasarkan Teori Konstruktivisme. [Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris]

Nurul Aisyah Abdullah, Z. M. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah . *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 6(2)*, 1-19.

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved

Osborn, A. F. (1953). *Applied imagination: Principles and procedures of creative problem solving.* New York: Scribner's.

Parimala, K. (2022). Kesediaan dan Amalan Teknik Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. [Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris].

Rainal Hidayat Wardi, R. O. (2016). Penggunaan Sumbang Saran berkategori Sebagai Pendekatan Dalam Pembangunan Kemahiran Pemikiran Kreatif Pelajar Reka Bentuk Tekstil Di Universiti Teknologi Mara Malaysia. *Jurnal Kurikulum Pengajaran Asia Pasifik*, 1-11.

Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti.* Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Siti Akmar Abu Samah, Kamaruzzaman Jusoff & Abu Daud Silong. (2009). Does Spoon-Feeding Impede Independent Learning? *Canadian Social Science 5(3)*, 82-90.

Vygotsky, L.S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, MA: Havard University Press.

Vygotsky, L. S. (1986). *Thought and Language* (A. Kozulin, Trans.). MIT Press.

Vijayaletchumy Subramaniam, R. I. (2024). Model Pembelajaran Integrasi Kolaboratif (MoPIK): Strategi Pengajaran Guru Dalam Kemahiran Menulis. *International Journal of the Malay World and Civilisation 12(3)*, 14-28.

Zaini, A. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 47-57.

Zuraini Jusoh & Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesan Bercerita Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11-18.

Copyright © 2025 ASIAN SCHOLARS NETWORK - All rights reserved